

08 SEP 2003

I

JANGAN LOMPAT PARTI WALAUPUN TIADA HALANGAN - DR MAHATHIR

KOTA KINABALU, 8 Sept(Bername) -- Tidak sepatutnya berlaku tindakan lompat parti dalam Barisan Nasional walaupun tiada undang-undang yang menghalang mereka daripada berbuat demikian, kata Perdana Menteri Datuk Dr Seri Mahathir Mohamad.

"Saya tidak tahu sama ada kerajaan boleh mengadakan undang-undang bagi perkara itu. Kita tahu bahawa di dalam parti BN sendiri tidak patut berlaku perbuatan lompat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kongres tahunan ke-18 Parti Bersatu Sabah (PBS) di Penampang dekat sini hari ini.

Bagaimanapun Dr Mahathir yang juga pengerusi BN berkata agak sukar untuk menghalang tindakan lompat parti di dalam gabungan itu tetapi "kita merayu anggota Barisan supaya tidak melompat."

Menyentuh kenyataan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mengenai siswazah universiti semalam, beliau berkata:" "Saya tidak fikir ia disebabkan oleh universiti. Ia kerana PAS tidak mengajar Islam yang betul. Mereka mengajar perkara yang bertentangan dengan Islam, jadi orang menjadi keliru."

Nik Aziz dilaporkan menyalahkan universiti di negara ini kerana melahirkan siswazah yang melakukan rasuah, zina, liwat dan menagih dadah.

Dr Mahathir berkata contohnya PAS (dalam peruntukan enakmen mengenai hukum Hudud dan Qisas) menyebut seseorang itu tidak boleh melakukan liwat di bawah hukum Hudud, tetapi tidak mengapa bagi seseorang itu meliwat isterinya.

-- BERNAMA

MK JS RON